

Bangkit

NUR ATIQAH YUSRIYAH BINTE YUNOS (3/4)

Sekolah Menengah Outram

Soalan 1

Burung-burung berterbangan bebas dan pemandangan padi yang menguning luar terbentang di luar jendela. Irwan merenung kertas ujiannya. Matanya tertumpu ke nombor yang tertera di hujung kertas itu. Peluhnya menitis entah kerana duduk bersila dalam pondok tanpa kipas atau kerana kelihatan masa depannya yang suram. Dia hanya mampu mengetap bibirnya dan menangis tidak berlagu. Sekali lagi, dia mendapat markah terendah di seluruh kohort. Gurunya memandangnya dengan rasa simpati. Irwan sedar bahawa gurunya faham akan keadaannya tetapi rakan-rakan sedarjahnya tidak. Irwan rasa hidupnya sekarang ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

Kehidupannya penuh dengan pahit getir. Irwan datang daripada keluarga yang serba kekurangan. Sejak bapanya, Pak Jamal, meninggal dunia setahun yang lalu, hidup Irwan sekeluarga bertambah susah. Lambaian padi ditiup angin sepoi yang boleh dilihat di luar kelasnya bagaikan memanggilnya pulang ke kenangan lamanya.

Irwan selalu mengintai kehidupan ayahnya sejak kecil lagi. Ini kerana dia mengidolakan ayahnya dan mahu menurut kehidupan yang sama ibarat bagaimana acuan begitulah kuihnya. Pak Jamal seorang petani yang ringan tulang. Dia berbadan kurus dan berkulit hitam manis. Hari belum terang tanah, Pak Jamal sudah berada di bendang padi milik saudagar Cina. Dia membanting tulang untuk mengusahakan sawah itu bersama pakcik-pakcik yang dia gelar sahabat. Walaupun sekadar memakan gaji kecil, Pak Jamal yakin bahawa berkat usahanya pasti dapat menyara hidup isteri dan tiga orang anaknya. Dia percaya bahawa usaha yang rajin dan tekun akan murahkan rezekinya ibarat ringan tulang berat perut.

Walaupun tidak semewah mana kehidupan mereka, tidaklah menderita sangat. Tetapi kini, keadaan telah menjadi seperti sampan dan bot yang teroleng-oleng di atas dada laut. Ini berlaku setelah pencari nafkah keluarga mereka tiada. Ibunya terpaksa mencari jalan untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Irwan sebagai anak sulung terpaksa dan perlu membantu ibunya menyara kehidupan membuat kuih-kuih yang harus siap sebelum fajar lagi.

“Kenapa hidup aku macam ni? Macam mana aku boleh bantu ibu dengan adik-beradik aku? Kita dah kekurangan duit dan pelajaran aku pula hampir merosot. Kenapa ayah perlu pergi?” berulang-ulang kali pertanyaan ini timbul dalam otaknya.

Kepenatannya membantu ibunya menyebabkan Irwan sentiasa berasa letih dan mengantuk. Tenaganya bagaikan terbang sebahagian dan matanya menjadi kecil dan sepeti seperti hendak tertutup. Bagi hari yang lain pula, dia terasa badannya melayang dan ringan seperti kapas. Dia sering tertidur dalam kelas dan tidak dapat memberi tumpuan. Ini mengakibatkan prestasi pelajarannya merosot. Irwan bukan seorang budak yang sememangnya lemah dalam pelajaran. Sebelum ini, dia di antara murid-murid yang terbaik di dalam kelas. Tetapi situasinya sekarang

yang membuatnya kerap gagal. Rakan-rakan sedarjahnya ada yang memahami situasinya, tetapi ada juga yang mengambil kesempatan untuk mengejeknya apabila dia gagal.

Suara Yazid memecah lamunan Irwan, “Teruknya markah kamu Irwan. Kamu ni betul-betul lembablah!” Ini disusuli dengan hilai tawa Yazid dan kumpulannya. Hati Irwan terasa pilu dengan ejekan mereka. Walaubagaimanapun, Irwan tenang sahaja menghadapi semua ini. Kadang kala, ketenangan yang dirasainya bagaikan dipijak-pijak keras. Dia tidak pernah menyesal akan prestasinya yang terjejas kerana menolong ibunya.

“Ibu telah banyak berkorban untuk menampung hidup kita anak beranak. Aku berasa terhutang budi kepada ibu pula. Ibu memang ada semangat yang kental,” Irwan terfikir akan pengorbanan ibunya. Setiap pagi sebelum ayam berkokok, ibunya telah bangun untuk menyediakan kuih-muih untuk dijual. Pada waktu tengah harinya pula, ibunya bekerja sebagai seorang pembantu rumah separuh masa. Irwan sedar yang ibunya membanting tulang agar hidup Irwan dan adik-adiknya tidak melarat. Dia sentiasa mengalah dan berkorban apa saja demi anak-anak tersayang. Memikirkan semua ini, Irwan mendapat semangat baru. Dia bertekad untuk tidak menjadikan kemiskinannya itu sebagai alasan untuk tidak berjaya.

Cita-citanya setinggi gunung, harapan setinggi langit dan keyakinannya sedalam laut. Irwan berazam untuk belajar dengan lebih tekun dan gigih. Dia mahu kembali menjadi salah seorang pelajar yang terbaik dalam kelasnya. Irwan mahu membuktikan yang kemiskinan bukan batu penghalang untuk dia berjaya. Dia mahu membanggakan ibunya dengan perasaan riang ria yang menyelubungi dirinya.

Setiap hari selepas sekolah, Irwan akan meminta bantuan guru-gurunya untuk mengulang kaji. Dia tidak lagi tidur di dalam kelas. Di rumah pula, dia akan belajar sebanyak yang mungkin sebelum menolong ibunya. Irwan mahu mengorak langkah ke mercu kejayaan. Dia percaya dia akan mengatasi apa jua rintangan yang menghalangi kemaraannya. Usahanya yang gigih membuahkan hasil; prestasinya meningkat.

Ketenangan yang diidaminya tak kunjung tiba. Ia seperti bunga-bunga kebimbangan menguntum di kelopak hatinya. Irwan berdiri, diserang ketakutan di luar kelas sehingga lututnya lemah dan tangannya terkulai. Berat kakinya melangkah masuk ke dalam kelas. Irwan menghela nafas yang panjang lalu memasuki kelas untuk mencari tempat duduknya.

Murid-murid di kelas tersebut tidak berani berdecit sedikit pun kerana mahu mendengar keputusan peperiksaan akhir tahun mereka. “Saya amat bangga dengan pelajar ini. Dia mungkin telah menjalani hidup yang amat sukar tetapi dia tekun bekerja keras. Akhirnya, tempat pertama jatuh kepada Irwan,” guru kelas Irwan mengumumkan keputusan peperiksaan akhir tahun.

Kata-katanya memercikkan kegembiraan. Irwan menguntumkan senyuman yang melebar sehingga jelas kelihatan barisan giginya yang putih. Dapatlah dia berhibur hati. Akhirnya dia berjaya. Berkat kegigihan dan usahanya dia telah mencapai impiannya. Yang paling mustahak, dia telah membanggakan ibunya dan menjadi inspirasi bagi adik-adiknya. Kemiskinan bukan penghalang kejayaan.

“Ayah, anak ayah dah berjaya,” Irwan berbisik pada hatinya, berlinangan air mata sambil memegang kertas ujian tersebut dengan erat sekali di dadanya.